

## PARVOVIRUS BOLEH MEMBUNUH KUCING

Oleh: Fatin Nur Aqilah binti Isa, 1170951,  
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

*Disiarkan pada 13 Ogos 2020*

Parvovirus atau lebih dikenali sebagai *felin panleukopenia* merupakan sejenis virus yang menyerang anjing dan kucing.

Virus ini mudah menjangkiti kucing yang tidak divaksin atau tidak menerima kuantiti suntikan vaksin yang mencukupi.

Menurut laman sesawang *themamamiaow.com*, antara punca penyakit ini merebak dengan mudah adalah melalui najis daripada kucing yang positif parvovirus.

Ramai yang tidak tahu bahawa virus ini boleh bertahan selama setahun dan peluang untuk kucing bertahan adalah sangat tipis.

Kebanyakan yang sembuh adalah kucing dewasa atau sudah mempunyai imunisasi berbanding anak kucing.

Antara tanda-tanda awal kucing dijangkiti parvovirus adalah apabila haiwan itu mula menunjukkan kemurungan, hilang selera makan, lesu dan tidak bermaya.

Selain itu, kita boleh menyedarinya apabila kucing terkena cirit-birit, najis kelihatan cair, berlendir dan baunya lebih busuk daripada biasa.

Kucing juga selalu dahaga dan terdehidrasi. Virus ini menyerang usus yang menyebabkan darah keluar bersama najis kucing.

Adakalanya kucing tidak menunjukkan sebarang tanda dan mati secara mengejut. Pemilik kucing perlu peka terhadap situasi ini kerana ada di antara mereka yang menganggap kucing telah termakan racun.

Segera bertindak jika terlihat tanda-tanda awal kucing positif parvovirus. Kebanyakan klinik swasta menyediakan ujian antigen untuk mengesan virus ini.

Menurut beberapa sumber yang saya peroleh dari internet, kebanyakan kucing positif parvovirus kerana tidak diberikan suntikan vaksin sejak kecil.

Suntikan vaksin dapat meningkatkan imunitas tubuh dan memastikan perkembangan yang baik terhadap anak kucing.

Kucing yang bebas bermain di luar rumah juga berpotensi untuk dijangkiti virus ini daripada kucing-kucing lain.

Di samping itu, pemilik kucing juga perlu mengambil berat tentang kebersihan tangan kerana kita mungkin menyentuh kucing yang dijangkiti virus itu sebelum bermain dengan kucing di rumah.

Sehingga kini, tiada ubat yang khusus untuk membunuh parvovirus kecuali rawatan simptomatik yang hanya dapat membantu kucing untuk bertahan dan melawan penyakit ini.

Jika kita dapati kucing positif parvovirus, kuarantinkan mereka di dalam bilik atau tempat yang berasingan dengan kucing yang lain.

Di samping itu, pemilik kucing juga perlu peka terhadap kitaran pemakanan kucing yang positif virus ini.

Jika tidak yakin, dapatkan nasihat dari doktor haiwan atau mereka yang arif tentang penjagaan kucing dan terus memberi semangat kepada kucing untuk kekal bertahan.

Akhir sekali, kita juga perlu sentiasa memastikan kawasan persekitaran rumah kucing bersih dan membasuh tempat itu dengan kerap menggunakan sabun antibakteria atau klorin.

